

Tetap Bersatu Dengan Dia

YOHANES 15:4

Doa & Puasa 40-Hari
07 Ogos - 15 Sept 2015



EDISI JUNIOR

NECF
MALAYSIA



Tetaplah Bersatu Dengan Dia

Pokok Anggur dan Carang (Yohanes 15:1-11 Alkitab Berita Baik)

Yesus berkata lagi, "Aku pokok anggur yang sejati, dan Bapa-Ku peladang anggur. Setiap carang-Ku yang tidak berbuah dikerat oleh-

Nya, dan setiap carang yang berbuah dipangkas oleh-Nya supaya bersih dan berbuah lebih lebat. Kamu sudah dibersihkan oleh ajaran yang Aku ajarkan kepada kamu. Tetaplah bersatu dengan Aku dan

Aku pun akan tetap bersatu dengan kamu. Carang sendiri tidak dapat berbuah, kecuali tetap pada pokoknya. Demikian juga kamu; kamu hanya dapat berbuah, jika kamu tetap bersatu dengan Aku.

Akulah pokok anggur dan kamu carang-carangnya. Sesiapa yang tetap bersatu dengan Aku, dan Aku dengan dia, akan berbuah lebat; kerana tanpa Aku, kamu tidak dapat berbuat apa-apa. Sesiapa yang tidak tetap bersatu dengan Aku, akan dikerat seperti carang lalu menjadi kering. Carang-carang seperti itu akan dikumpulkan lalu dibuang ke dalam api dan dibakar. Jika kamu tetap bersatu dengan Aku, dan ajaran-Ku kamu simpan di dalam hati, mintalah apa sahaja yang kamu kehendaki daripada Bapa, dan permintaan kamu itu akan dipenuhi. Kemuliaan Bapa-Ku dinyatakan apabila kamu berbuah

lebat, dan dengan demikian kamu betul-betul pengikut-Ku. Aku mengasihi kamu seperti Bapa mengasihi Aku. Hendaklah kamu tetap hidup sebagai orang yang Aku kasih. Jika kamu mentaati perintah-Ku, Aku akan tetap mengasihi kamu, seperti Bapa tetap mengasihi

Aku kerana Aku mentaati perintah-Nya. Semua ini Aku katakan kepada kamu supaya kegembiraan-Ku ada di dalam hati kamu dan kegembiraan kamu menjadi sempurna. Inilah perintah-Ku: Hendaklah kamu saling mengasihi, seperti Aku mengasihi kamu. Jika seseorang

mati bagi sahabat-sahabatnya, hal itu menunjukkan bahawa dia orang yang paling mengasihi mereka. Kamu sahabat-sahabat-Ku,


jika kamu melakukan apa yang Aku perintahkan. Aku tidak lagi memanggil kamu hamba, kerana hamba tidak mengetahui apa yang sedang dilakukan oleh tuannya. Aku memanggil kamu sahabat-sahabat-Ku, kerana Aku sudah memberitahu kamu segala yang telah

Aku dengar daripada Bapa-Ku.

Tetaplah Bersatu Dengan Aku

Apakah maksudnya?

Ini ialah pokok anggur dengan carang-carang. Anda boleh mewarnakan gambar di bawah, jika anda suka. Pokok anggur merupakan sumber khasiat utama carang-carang yang seterusnya memberi khasiat pada buah-buah untuk bertumbuh.





Apakah yang berlaku apabila carang-carang dan buah-buah dikerat dari pokok anggur?


Apabila carang-carang dipisahkan dari pokok anggur, ia akan kehilangan sumber khasiat, tidak dapat berbuah, layu dan mati.

Kita juga mempunyai hubungan yang sama dengan Tuhan, seperti carang-carang dengan pokok anggur. Yesus berkata bahawa Dia adalah pokok anggur yang sejati, dan kita adalah carang-carang. Apabila kita terpisah dari Tuhan, atau tidak mengambil masa untuk memastikan agar kita sentiasa berhubung dengan-Nya dalam doa dan penyembahan, ia akan memberi kesan kepada rohani kita - sama seperti kesihatan carang-carang secara fizikal juga akan memberi kesan apabila ia dikerat dari sumber makanan, iaitu pokok anggur.

Pada masa kita memulakan 40 hari Berdoa dan Berpuasa bagi Malaysia, marilah kita ingat sebagai anak-anak Tuhan, dan Gereja di Malaysia, sebagai wakil-Nya di bumi, sentiasa tetap bersatu dengan Tuhan - sumber dan keutamaan kita - untuk memastikan bahawa kita cukup sihat secara rohani untuk menghasilkan buah demi kemuliaan-Nya.

Marilah kita berdoa bagi orang-orang Kristian yang telah terpisah dari Tuhan, pokok anggur yang sejati agar mereka akan mencari Dia semula dan menyambung semula hubungan mereka dengan Dia.

Bendera Malaysia



Bendera Malaysia yang dikenali sebagai Jalur Gemilang, terdiri daripada bulan sabit, 14 mata bintang dan 14 jalur. Setiap titik bintang dan setiap jalur melambangkan 13 negeri di Malaysia dan Kuala Lumpur - Wilayah Persekutuan yang pertama. Labuan dan Putrajaya telah pun ditambah sebagai Wilayah Persekutuan Malaysia.

Pada masa anda berdoa untuk setiap negeri di Malaysia, ambil masa untuk mewarna bendera (di bawah) dan tulis nama setiap negeri di jalur-jalur yang mewakili negeri tersebut sebelum anda teruskan.
Mohon agar Tuhan memenuhi hati anda dengan kasih akan Malaysia dan menggunakan anda untuk membuat perubahan di negara anda.

Bagaimana memulakan puasa: Puasa ialah cara yang sangat berkuasa untuk mendekatkan diri dengan Tuhan dan menyampaikan doa-doa kita di hadapan-Nya. Semasa kita berpuasa, kita menunjukkan kepada Tuhan bahawa kita merendahkan diri di hadapan-Nya dan kita berkata, "Saya serius tentang apa yang saya doakan."

Ada beberapa cara bagaimana berpuasa. Ambil masa bersama dengan ibu bapa anda atau orang yang lebih dewasa dan bincangkan jenis puasa yang anda ingin lakukan. Anda boleh:

- **Puasa sekali makan** (seperti sarapan, makan tengah hari, atau makan malam)
- **Puasa satu jenis makanan** (seperti daging atau nasi)
- **Puasa makanan kegemaran** (sepanjang 40-hari berdoa dan berpuasa, anda tidak makan makanan kegemaran anda)
- **Puasa sekali seminggu** (dari semua makanan dan hanya minum air untuk hari itu, atau dari makan sekali hari itu)
- **Puasa kegemaran sebelum ini atau kegiatan** (seperti tidak menonton televisyen atau melayari Facebook, di sepanjang 40 hari)

Semasa puasa, setiap kali anda lapar atau sangat ingin melakukan kegiatan kegemaran anda, tumpukan perhatian anda kepada Tuhan dan beritahu Dia supaya membantu anda, sebab anda serius untuk berdoa bagi negara anda, Malaysia. Ini juga merupakan masa untuk mengingatkan anda bahawa Tuhan lebih penting daripada semua perkara yang anda suka lakukan atau makan.

Bagaimana memulakan doa: Pilih masa dalam satu hari dan tetapkan sekitar satu jam berdoa untuk bahan doa hari itu. Anda boleh berbincang dengan ibu bapa anda, ahli keluarga atau bahkan kawan-kawan untuk datang dan berdoa bersama-sama dengan anda, atau anda berdoa bersendirian - hanya anda dan Tuhan.

Luangkan masa untuk mendengar Tuhan, dan tulis atau gambarkan apa yang Dia katakan kepada anda. Tuhan ingin selalu bercakap dengan anak-anak-Nya bila mereka menghabiskan masa bersama Dia!

Ada juga puzzle untuk anda selesaikan - supaya 40 hari berdoa dan berpuasa lebih menyeronokkan!

Dua halaman berikutnya adalah jadual supaya anda dapat terus mengikuti doa harian anda. Tanda atau warna kotak di sebelah tajuk untuk hari berikut setelah anda mengambil masa untuk berdoa dan membaca ayat-ayat Alkitab untuk hari itu. Jika anda ada pelekat, anda juga boleh melekatkannya di kotak.

Ada juga ruang kecil untuk anda menulis apa yang ada di fikiran anda dan apa yang Tuhan katakan atau tunjukkan kepada anda pada hari itu. Walaupun demikian, jika anda mendapati ruang terlalu kecil – dapatkan buku nota kosong dan tulis apa yang ada di fikiran anda di sana!

Tanda	Tarikh	Hari & Topik	Tulis Pendapat Anda Di Sini
	7 Ogos	Hari 1 – Yesus Pokok Anggur yang Sejati	
	8 Ogos	Hari 2 – Tetap Bersatu dengan Pokok Anggur yang Sejati	
	9 Ogos	Hari 3 – Bapa-Ku ialah 'Peladang Anggur'	
	10 Ogos	Hari 4 – Kita adalah Carang-Carang-Nya, Dialah Pokok Anggur	
	11 Ogos	Hari 5 – Hidup yang Dimurnikan	
	12 Ogos	Hari 6 – Kehidupan yang Menang	
	13 Ogos	Hari 7 – Duta bagi Kristus	

	14 Ogos	Hari 8 – Teguh dan Kukuh	
	15 Ogos	Hari 9 – Mengimpak Masyarakat kita	
	16 Ogos	Hari 10 – Mempersiapkan Generasi Seterusnya	
	17 Ogos	Hari 11 – Pertama dan Terutama	
	18 Ogos	Hari 12 – Mengikut Jenisnya	
	19 Ogos	Hari 13 – Sembilan Buah	
	20 Ogos	Hari 14 – Kata-Kata Kita	
	21 Ogos	Hari 15 – Aman dan Tenteram, Buah Kebenaran	
	22 Ogos	Hari 16 – Akar-Akar Pahit	
	23 Ogos	Hari 17 – Perumpamaan Pokok Ara	
	24 Ogos	Hari 18 – Pemangkas Agung	
	25 Ogos	Hari 19 – Kesudahan yang Diinginkan	
	26 Ogos	Hari 20 – Cari Dia Pertama	
	27 Ogos	Hari 21 – Menyembuhkan	
	28 Ogos	Hari 22 – Untuk Berbuah Lebih Lebat	
	29 Ogos	Hari 23 – Harapan si Peladang	
	30 Ogos	Hari 24 – Mengurangkan	


	31 Ogos	Hari 25 – Firman Dinyatakan	
	1 Sept	Hari 26 – Firman sebagai Wahyu Semula Jadi	
	2 Sept	Hari 27 – Firman dan Roh	
	3 Sept	Hari 28 – Firman dan Kuasa	
	4 Sept	Hari 29 – Firman sebagai Injil	
	5 Sept	Hari 30 – Misi Kita	
	6 Sept	Hari 31 – Mazmur 119	
	7 Sept	Hari 32 – Kebergantungan Anak	
	8 Sept	Hari 33 – Adakah Anda Bangun?	
	9 Sept	Hari 34 – Permulaan Kecil	
	10 Sept	Hari 35 – Pahlawan yang Berani	
	11 Sept	Hari 36 – Yohanes Pembaptis	
	12 Sept	Hari 37 – Warisan Kita	
	13 Sept	Hari 38 – Roh Kudus Memperkasa Kita	
	14 Sept	Hari 39 – Kayu Salib	
	15 Sept	Hari 40 – Ketaatan	

Tetap Bersatu dengan Pokok Anggur: Yesus adalah Pokok Anggur yang Sejati

Yesus adalah Anak Allah, dan sebagai pengikut-Nya, Dia ialah sumber kekuatan dan sokongan – satu-satunya tempat kita bergantung dalam segala sesuatu yang kita perlukan. Dia ialah Pokok Anggur kita dan kita adalah carang-carang-Nya. Hanya apabila kita tetap bersatu dengan Dia, kita dapat menghasilkan buah yang subur dan baik.

Yesus juga adalah teladan yang sempurna bagi kita dalam hal ketaatan kepada Bapa-Nya. Sebagai anak-anak Tuhan, kita mesti selalu taat kepada Dia, dan Yesus telah memberi kita contoh melalui kehidupan-Nya - Yesus selalu melakukan apa sahaja yang Bapa minta kepada-Nya untuk dilakukan, Dia juga selalu berhubung dengan Allah Bapa-Nya.

Jika kita ingin terus berhubung dengan Yesus Pokok Anggur yang Sejati, kita harus taat kepada-Nya, tidak kira berapa harganya. **Apakah beberapa perkara dalam kehidupan anda di mana anda tahu bahawa anda tidak taat kepada Yesus?**




BERDOA UNTUK MALAYSIA - Negari Selangor:

- Berdoa bagi Menteri Besar Selangor, agar dia takut akan Tuhan dan membuat keputusan-keputusan untuk negari ini yang akan memberi kebaikan kepada rakyat.
- Berdoa bagi mereka yang bekerja dibawah Menteri Besar, agar mereka melaksanakan tugas mereka dengan baik. Berdoa agar mereka tidak menerima rasuah dan mendorong satu sama lain supaya jujur.
- Berdoalah bagi Orang Asli yang tinggal di negari ini, agar mereka diperlakukan secara adil. Berdoa agar anak-anak mereka diberikan peluang yang sama untuk memperoleh pendidikan.
- Berdoalah agar orang Kristian di Selangor akan menjadi kesaksian Tuhan yang baik kepada orang-orang di sekitar mereka.

Tetap Bersatu dengan Pokok Anggur: Tetap Bersatu dengan Pokok Anggur yang Sejati

Carang-carang hanya dapat hidup sihat bila ia bercamtum pada pokok anggur. Demikian juga, orang-orang Kristian hanya dapat menjalani hidup yang sihat apabila kita berhubung dengan Yesus, Pokok Anggur kita yang sejati.



Seseorang pernah berkata, kehidupan Kristian tidak seperti sistem bateri yang selalu perlu dicas setelah tenaganya habis. Sebaliknya, kita patut seperti prinsip aliran elektrik – kabel elektrik harus selalu disambung dalam soket supaya ada tenaga terus-menerus melalui hubungan yang terus-menerus.

Seperti apakah hubungan anda dengan Yesus?

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Negeri Sembilan

- Berdoa bagi kerajaan Negeri Sembilan. Berdoa agar mereka bebas dari kebiasaan yang tidak baik seperti rasuah dan supaya mereka mengurus kewangan negari dengan benar.
- Berdoa bagi petani dan nelayan yang tinggal di negari ini. Berdoa agar Tuhan memberkati mereka dengan hasil tuaian dan tangkapan yang baik.
- Berdoalah agar orang-orang muda yang meninggalkan Negeri Sembilan untuk belajar di tempat lain akan kembali untuk membantu membangunkan negari asal mereka.
- Berdoalah bagi orang Kristian di Negeri Sembilan supaya menjadi kesaksian Tuhan yang baik kepada orang-orang di sekitar mereka.

Tetap Bersatu dengan Pokok Anggur: Bapa Ku ialah Peladang Anggur

Dalam Yohanes 15, Yesus memanggil sendiri-Nya Pokok Anggur yang sejati dan Dia mengatakan bahawa Bapa-Nya adalah yang menjaga pokok anggur - yang mengusaha anggur. Syarat Peladang Anggur adalah untuk mengurus tanaman anggur dan memastikan ia tumbuh dengan sihat dan dapat menghasilkan buah yang baik. Dia akan memastikan agar tidak ada yang merosakkan tanaman pokok anggur dan menjaganya dari segala yang boleh membahayakannya.

Kadang kala, supaya memastikan pokok anggur sihat, Peladang Anggur harus memangkas pokok anggur - iaitu, memotong bahagian dari carang-carang yang tidak lagi sihat dan yang boleh mempengaruhi kesihatan tanaman. Dengan cara yang sama, Tuhan akan memangkas bahagian dari kehidupan kita yang menghalang rohani kita bertumbuh dan mengeluarkan berbuah.

Apakah anda bersedia untuk membiarkan Tuhan membuang bahagian dari hidup anda yang tidak baik untuk kesihatan rohani anda dan yang menjelaskan hubungan anda dengan Dia?

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Negari Melaka

- Berdoa bagi Ketua Menteri Melaka, agar dia bebas dari rasuah dan melakukan apa yang terbaik untuk rakyatnya.
- Berdoa bagi mereka yang bekerja dibawah Ketua Menteri. Berdoa agar mereka bebas dari amalan-amalan yang tidak baik seperti rasuah dan supaya mereka mengurus kewangan negari dengan baik.
- Berdoalah agar orang-orang muda yang meninggalkan Negeri Melaka untuk belajar di tempat lain akan kembali untuk membantu membangunkan negari asal mereka.
- Berdoalah agar orang Kristian di Melaka akan menjadi kesaksian Tuhan yang baik kepada orang-orang di sekitar mereka.



Carang: Kita adalah Carang-Carang-Nya, Dialah Pokok Anggur

“Tetaplah bersatu dengan Aku dan Akupun akan tetap bersatu dengan kamu. Carang sendiri tidak dapat berbuah, kecuali tetap kepada pokoknya. Demikian juga kamu hanya dapat berbuah, jika kamu tetap bersatu dengan Aku. Akulah pokok anggur dan kamu carang-carangnya. Siapa yang tetap bersatu dengan Aku, dan Aku dengan dia akan berbuah lebat; kerana tanpa Aku kamu tidak dapat berbuat apa-apa”. - Yohanes 15:4-5

Apakah yang terlintas di fikiran anda bila anda membaca ayat-ayat di atas?



Sebagai anak-anak Tuhan, kita boleh datang kepada Dia setiap hari untuk bercakap dengan Dia tentang perkara-perkara yang terjadi dalam hidup kita, dan memohon agar Dia menjaga kita supaya sentiasa sihat sebagai seorang Kristian - agar kita dapat mempengaruhi bangsa dan dunia untuk kemuliaan-Nya.

Apakah anda percaya bahawa Tuhan dapat memberikan semua yang anda perlukan apabila anda percaya kepada Dia? Bercakap dengan Tuhan tentang hal ini.

BERDOA UNTUK MALAYSIA – Peguam Negara

Peguam Negara adalah peguam utama yang menasihatkan kerajaan Malaysia mengenai perkara-perkara yang melibatkan undang-undang. Berdoa bagi Peguam Negara:

- Agar cinta akan kebenaran dan keadilan
- Agar Peguam Negara dan peguam-peguam yang bekerja di bawahnya, akan melakukan yang terbaik untuk menegakkan keadilan pada semua orang

Cara: Hidup yang Dimanukan

Yosua berkata kepada umat itu, "Sucikanlah diri kamu kerana esok TUHAN akan melakukan mukjizat di tengah-tengah kamu."

Yosua 3:5

Sesiapa yang membersihkan diri daripada segala ajaran sesat, akan digunakan untuk tujuan yang mulia. Dia telah mengabdikan diri kepada Tuannya dan berguna bagi-Nya. Dia sedia digunakan untuk semua pekerjaan yang baik. 2 Timotius 2:21

Bila Tuhan mahu menggunakan seseorang untuk melaksanakan rancangan-Nya, yang pertama Dia akan memastikan hati mereka tertumpu sepenuhnya kepada-Nya. Untuk melakukan itu, Tuhan akan membuat hati mereka kembali kepada-Nya, dan memimpin agar mereka mengaku dosa mereka dan bertaubat - sehingga hati mereka suci dan murni di hadapan Tuhan. Jika kita mahu digunakan oleh Tuhan, kita harus sentiasa suci di hadapan Tuhan, mengakui dosa-dosa kita dan melakukan apa yang menyenangkan Dia. Semasa anda bercakap kepada Tuhan, mohon agar Dia menolong anda untuk mengenal pasti perkara-perkara di dalam hati anda yang menghalang Dia bekerja melalui anda. Tuliskannya di ruang berbentuk hati yang anda lihat dan mohon agar Tuhan menolong anda mengubahnya untuk kemuliaan-Nya.

BERDOA UNTUK NEGARA: Peguam

Peguam memainkan peranan yang sangat penting untuk Negara kita, semasa membuat keputusan bersalah atau tidak yang menurut undang-undang. Dan membuat keputusan apa yang terjadi kepada seseorang semasa di mahkamah. Adalah sangat penting bagi seorang hakim berlaku adil dan tidak dipengaruhi oleh sesiapa atau apa-apa sahaja.

Berdoa bagi hakim-hakim di Malaysia:

- Agar mereka mempertahankan keadilan lebih dari segalanya
- Agar mereka berani membuat keputusan-keputusan, tanpa dipengaruhi sesiapa pun.
- Agar mereka yang beragama Kristian menjalankan tugas mereka dengan takut akan Tuhan.

Cara: Kehidupan yang Menang

“Tidak ada bangsa mana pun, walaupun bangsa besar, yang mempunyai tuhan yang begitu dekat apabila diperlukan mereka sebagaimana TUHAN, Allah kita dekat kepada kita. Dia menjawab bila-bila sahaja kita berseru meminta pertolongan. Tidak ada bangsa mana pun, walaupun bangsa besar, yang mempunyai hukum seadil hukum yang sudah aku ajarkan kepada kamu hari ini?” Ulangan 4:7-8

Kerana Yesus Kristus, dan kerana kita mempunyai Tuhan di pihak kita, kita sentiasa di pihak yang menang. Tuhan telah memanggil kita untuk menjadi berani dalam menghadapi singa-singa dan melawan dalam peperangan kita dengan berani, bergantung kepada-Nya untuk segala sesuatu yang kita perlukan. Sebagai anak-anak Tuhan, kita telah dipanggil untuk berperang dalam hidup melalui doa, kerana Dia berjanji akan membela kita terhadap musuh-musuh kita. Ini adalah penghormatan yang besar kerana memiliki Tuhan Yang Maha Esa di sisi kita semasa kita menghadapi tantangan hidup!

Apakah anda menghadapi cabaran-cabaran semasa berdoa? Apakah anda tahu bahawa tidak kira betapa sukar keadaannya, anda sudah berada di pihak yang menang?



BERDOA UNTUK MALAYSIA – Peguam

Kehakiman menjunjung Perlembagaan Persekutuan.

- Berdoa bagi Para Peguam melaksanakan keadilan tanpa bersikap berat sebelah. Agar mereka membuat keputusan menurut undang-undang dan bukti-buktinya dikemukakan kepada mereka, serta bebas daripada politik dan rasuah wang.
- Berdoa bagi Para Hakim Kristian agar berani membuat keputusan untuk kemuliaan Tuhan, sama ada keputusan itu dipuji atau diejek oleh orang ramai. Agar orang-orang Kristian akan bangkit sebagai peguam dan membela mereka yang tidak mendapat keadilan.

Hendaklah cahaya kamu juga bersinar di hadapan orang, supaya mereka melihat perbuatan kamu yang baik, lalu memuji Bapa kamu yang di syurga.

Matius 5:16

Pernahkah anda dipilih untuk mewakili kelas anda? Jika pernah, anda tentu tahu bahawa sebagai wakil anda perlu memberikan yang terbaik dan tingkah laku, supaya orang lain akan melihat sekolah atau kelas anda yang terbaik.

Duta adalah seseorang yang mewakili kerajaan atau negara. Alkitab menyebut kita adalah duta Kristus (2 Korintus 5:20), yang bermaksud kita mewakili Yesus, Raja segala raja dan kerajaan-Nya, di bumi. Ini adalah peranan yang sangat penting yang harus kita ambil secara serius.

Peranan kita sebagai duta Tuhan bermaksud bahawa kita harus menunjukkan kasih dan rahmat-Nya, dan membuat Dia dikenali oleh dunia yang memerlukan-Nya serta bagi mereka yang tidak mengenali Dia. **Apakah anda mengambil peranan anda secara serius sebagai duta Allah? Di manakah bahagian dalam hidup anda yang perlu diubah, supaya anda dapat menjadi duta Yesus yang baik? Mohon agar Dia membantu anda.**

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Kementerian Dalam Negeri

Kementerian Dalam Negeri yang menjaga sesiapa yang keluar dan masuk negara, dan segala-galanya yang berlaku di dalam negara - termasuk keselamatan rakyat. Berdoalah bagi kementerian ini iaitu bagi Menteri dan para pekerja jaya:

- Agar mereka akan bekerja keras untuk memastikan keselamatan rakyat terjamin.
- Agar mereka akan bekerja keras untuk keharmonian kaum dan menghentikan diskriminasi antara kaum yang berbeza di Malaysia.

Cara: Teguh dan Kuat

“Hendaklah kamu waspada dan teguh dalam hidup kamu sebagai orang Kristian. Hendaklah kamu tabah hati dan sungguh-sungguh percaya kepada Tuhan.” 1

Korintus 16:13

Pernahkah anda berada di dalam keadaan di mana kawan-kawan anda ingin melakukan sesuatu yang anda tahu adalah salah, dan anda telah membuat keputusan untuk tidak terlibat kerana anda ingin menyenangkan Tuhan? Atau apabila anda telah membuat keputusan untuk melakukan perkara yang betul, walaupun ia menakutkan, kerana anda tahu bahawa sebagai seorang Kristian tindakan anda harus memuliakan Tuhan?

Kadang-kadang, menjadi seorang Kristian boleh menyusahkan, malah menakutkan. Tetapi Alkitab memberitahu kita supaya sentiasa berdiri teguh, kerana pada akhirnya, ia akan menjadi tidak sia-sia.

Bolehkah anda ingat beberapa keadaan di mana anda dapat sukar untuk mempertahankan iman anda, atau sukar untuk berdiri teguh dan melakukan perkara yang betul? bercakaplah dengan Tuhan mengenainya, dan minta kepada-Nya untuk memberi kekuatan untuk menjadi berani dan kuat cukup masa depan. Tanya Dia memberi hikmat-Nya, tahu membezakan antara yang benar dengan yang salah.

BERDOA UNTUK MALAYSIA – Polis

- Berdoa agar setiap anggota polis di Malaysia akan menjalankan tugas mereka dengan jujur dan integriti untuk melindungi orang awam.
- Berdoa agar mereka bangga dengan pekerjaan mereka dan melakukannya dengan cemerlang.
- Berdoalah agar Tuhan melindungi dan memberkati anggota-anggota polis di Malaysia dan keluarga mereka semasa mereka menjalankan tugas.



Akulah pokok anggur yang benar!

“Akulah pokok anggur dan kamulah carang-carangnya. Sesiapa yang tetap bersatu dengan Aku, dan Aku dengan dia, akan berbuah lebat; kerana tanpa Aku, kamu tidak dapat berbuat apa-apa” Yohanes 15:5

Carikan perkataan-perkataan dalam kotak di bawah.

B	A	D	Y	P	B	S	C	E	Q	A
C	K	A	E	E	U	C	R	B	T	S
D	A	B	S	L	Q	J	A	R	Y	S
G	R	B	U	A	H	U	I	A	E	A
A	U	A	S	D	S	A	D	A	I	H
B	N	K	K	A	S	I	H	L	N	A
A	I	U	H	N	B	B	U	L	E	H
L	A	T	A	G	A	M	B	O	P	B
K	U	P	R	O	H	K	U	D	U	S
I	S	U	K	A	C	I	T	A	A	O
T	N	A	B	Q	K	B	U	G	S	A
A	K	S	O	R	D	A	H	D	A	B
B	A	A	S	O	Y	W	A	A	B	C
L	A	D	A	N	G	Z	N	A	E	F

YESUS
DOA
PUASA

BUAH
SUKACITA
MULIA

LADANG
TUHAN
KARUNIA

KASIH
ALKITAB
PUASA

PELADANG
ROH KUDUS
PUJIAN

Cara: Mengimpak Masyarakat kita

“Kamu bagaikan garam dunia. jika garam sudah menjadi tawar, garam itu tidak dapat menjadi masin lagi. Garam seperti itu tidak berguna lagi, selain dibuang dan dipijak-pijak orang. Kamu bagaikan cahaya bagi dunia. Kota yang terletak di atas bukit tidak dapat disembunyikan.Tidak seorang pun memasang pelita lalu menaruhnya di bawah pasu, tetapi dia akan meletakkannya di atas kaki pelita supaya memberi cahaya kepada setiap orang di dalam rumah “- Matius 5: 13-15

Yesus memanggil kita “garam dunia” dan “terang dunia”. Yang bermaksud bahawa kita adalah alat untuk menyinari cahaya-Nya dan menunjukkan kasih-Nya, kemurahan dan rahmat bagi orang-orang yang memerlukannya. Dia berkata bahawa kita tidak boleh menyembunyikan cahaya ini, tetapi kita mesti membiarkan ia bersinar terang - kerana ramai orang di luar sana yang masih hidup di dalam kegelapan, dan mereka perlu melihatnya.

Adakah cahaya anda tersembunyi? Apakah beberapa perkara dalam hidup anda yang menyembunyikan cahaya itu dari bersinar? Bercakap dengan Tuhan mengenainya dan mohon kepada Tuhan untuk membantu anda mengatasinya.

Ambil beberapa pensil warna dan warnakan lakaran lampu ini dengan warna-warna terang dan bersemangat. Anda adalah terang lampu itu - biarkan cahaya Yesus bersinar melalui anda supaya seluruh dunia dapat melihat!

BERDOA UNTUK MALAYSIA –

Imigresen

Jabatan imigresen adalah jabatan yang bertanggungjawab bagi semua orang dan barang-barang yang keluar dan masuk ke negara kita. Sebahagian daripada tugas mereka ialah untuk memastikan perkara-perkara buruk seperti dadah dan barang-barang terlarang tidak menyeberangi sempadan Malaysia. Kita perlu berdoa bagi mereka yang bekerja di imigresen, agar mereka akan menjalankan tugas mereka dengan serius supaya untuk memastikan negara kita selamat.

- Berdoa agar mereka tidak akan menerima rasuah.
- Berdoa agar mereka sentiasa berjaga-jaga semasa menjalankan tugas mereka.
- Berdoalah agar Tuhan akan melindungi mereka semasa menjalankan tugas setiap hari.



Caraang: Mempersiapkan Generasi Seterwanya

Semasa anda masih muda, sebahagian daripada tugas ibu bapa anda ialah untuk mengajar dan membantu anda membesar supaya menjadi bertanggungjawab, penyayang dan boleh dipercayai, yang dapat melakukan yang baik kepada masyarakat dan negara anda.



Sangat penting bagaimana orang dewasa mendidik orang-orang muda, kerana ia akan memberi kesan kepada masa dapan.

Walau bagaimanapun, ini adalah peranan yang amat sukar, dan oleh itu ia juga penting untuk kanak-kanak mendoakan ibu bapa mereka dan orang-orang yang menjaga mereka, supaya mereka dapat menjalankan tugas ini dengan baik untuk kemuliaan Tuhan. **Apakah ada beberapa cara, selain daripada berdoa untuk mereka, yang anda boleh bantu ibu bapa dan penjaga anda, dalam tanggungjawab mereka untuk mendewasakan anda menjadi seorang yang baik?**

BERDOA UNTUK NEGARA: Tentera Keselamatan

Pasukan keselamatan Malaysia atau Angkatan Tentera, terdiri daripada Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara. Pekerjaan mereka ialah untuk menjaga negara ini dan melindunginya daripada ancaman luar atau apa sahaja yang mungkin meletakkan Malaysia dalam bahaya.

- Berdoa agar mereka yang berada di dalam pasukan keselamatan akan menjalankan tugas mereka dengan bangga, jujur dan cemerlang, kerana cinta akan Malaysia dan rakyatnya.
- Berdoalah agar Tuhan akan memberkati dan melindungi mereka dan keluarga mereka semasa mereka menjalankan tugas.
- Berdoalah agar Tuhan akan memberkati dan melindungi Malaysia.

Kamu tidak memilih Aku,
Akulah yang memilih kamu
dan menugaskan kamu
supaya pergi dan berbuah
lebat..” – Yohanes 15:16

Apakah buah kegemaran anda? Lukiskannya di dalam kotak di bawah dan tulis mengapa ia adalah kegemaran anda. Ingat bagaimana kita telah bercakap tentang Yesus sebagai Pokok Anggur yang Sejati, dan kita adalah carang-carang dan Tuhan sebagai Pengusaha Anggur yang menjaga semua tanaman-tanaman di ladang-Nya dan memastikannya berada dalam keadaan sihat?

Bagi Tuhan, ia adalah sangat penting agar carang-carang-Nya sentiasa dijaga dan menjaganya supaya menghasilkan buah yang baik. Apabila kita sebagai carang-carang-Nya, menghasilkan buah yang baik, ia menunjukkan bahawa kita sihat secara rohani dan ini membawa kemuliaan-Nya. **Apakah yang terlintas di fikiran anda apabila anda berfikir tentang menghasilkan buah untuk Tuhan?**

BERDOA UNTUK MALAYSIA: Negeri Kelantan

- Berdoalah bagi kerajaan negeri Kelantan, agar mereka akan menjaga negeri ini dan juga rakyatnya dengan baik dan meletakkan kepentingan mereka terlebih dahulu.
- Berdoalah bagi keluarga yang kehilangan rumah dan barang-barang mereka semasa banjir pada awal tahun ini. Mohon agar Tuhan memberkati dan membantu mereka.
- Berdoa agar orang Kristian di negeri ini akan bangkit dan menjadi terang bagi Yesus.

Bual: Mengikut Jejaknya

**“Kerana kamu anak-anak Allah yang dikasihi-Nya,
kamu mesti berusaha mengikuti telada-Nya.”**

Efesus 5:1

Apabila anda meniru seseorang atau mengikuti contoh mereka, ia adalah kerana anda memandang tinggi atau menghormati mereka, dan dalam masa yang sama mahu menjadi seperti mereka.


Alkitab mengatakan bahawa kita dicipta menurut gambaran Tuhan sendiri, dan sebagai duta-Nya di bumi, semua yang kita lakukan, katakan atau fikirkan, mesti demi kemuliaan-Nya.

Apakah cara yang lebih baik untuk menyinari cahaya Tuhan, kemudian mengikuti contoh-Nya dan hidup dengan cara yang Dia kehendaki?

Apakah beberapa cara yang anda boleh belajar supaya menjadi lebih seperti Yesus?

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Negeri Pahang

- Berdoa agar majikan-majikan yang mengambil pekerja asing untuk bekerja di ladang-ladang dan estat di Cameron Highlands akan melayan mereka dengan baik dan juga membayar mereka secara adil. Berdoa agar orang Kristian yang mempunyai pekerja asing akan berkongsi tentang kasih Tuhan dengan pekerja-pekerja mereka.
- Berdoalah agar Tuhan akan membantu melindungi sumber semula jadi kita di Pahang, seperti hutan-hutan. Berdoa bagi kerajaan negeri agar melindungi Pahang daripada pemaju tamak yang mengeksplorasi sumber-sumber semula jadi.



Sebaliknya, inilah hasilnya jika orang dipimpin oleh Roh Allah: Mereka saling mengasihi, bersukacita, hidup rukun, sabar, berbudi, baik hati, setia, rendah hati, dan dapat mengawal diri. Tidak ada hukum yang melarang perkara-perkara seperti itu.

- Galatia 5:22-23

Anda mungkin pernah mendengar tentang sembilan Buah Roh di Sekolah Minggu. Tetapi pertanyaannya ialah - berapakah banyak buah-buah Roh yang anda tunjukkan dalam kehidupan anda setiap hari?


Kita hanya benar-benar dapat menghasilkan Buah Roh melalui Roh Kudus apabila Dia tinggal di dalam kita.

Adakah anda menghadapi kesukaran untuk menghasilkan beberapa buah Roh (sebagai contoh, kadang kala adalah sukar untuk bersabar, baik hati atau mempunyai kegembiraan)? Bercakap dengan Tuhan tentang perkara ini - Dia mengetahui pergelutan kita dan akan membantu kita menghadapinya selagi kita percaya kepada Dia.

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Negeri

Terengganu

- Berdoa bagi Kerajaan Negeri supaya berlaku adil dan jujur dalam hal bagaimana mereka menjaga negeri ini.
- Berdoa agar keharmonian di kalangan semua kaum dan supaya orang Kristian yang tinggal di Terengganu akan menyinari cahaya Tuhan dengan terang.



“Ucapan syukur dan kata-kata kutukan keluar dari mulut yang sama. Saudara-saudaraku, perkara ini tidak seharusnya berlaku!” – Yakubus 3:10

Setiap hari kita mendengar kata-kata yang tidak baik diucapkan, menyakitkan atau kesat. Kadang kala, kita pun terdorong untuk mengatakannya sendiri- terutamanya apabila kita marah atau kecewa! Namun sebagai orang Kristian, kita perlu ingat bahawa kata-kata kita mempunyai kuasa. Yakubus mengatakan bahawa kata-kata kita mempunyai kuasa untuk merosakkan dan menjatuhkan.

Sebagai anak-anak Tuhan, kita perlu berhati-hati dengan kata-kata yang keluar dari mulut kita, dan gunakan kata-kata kita untuk membina dan menggalakkan orang lain dan membawa pujian kepada Tuhan - dan bukan menjatuhkan dan memusnahkan seseorang. Dengan melalui kata-kata dan tindakan, kita boleh tunjukkan kasih Tuhan dan memberkati orang lain.

Beritahu Tuhan bahawa anda memohon ampun kerana anda pernah mengatakan perkara-perkara yang tidak baik atau menyakitkan hati, dan mohon agar Tuhan membantu anda menjadi lebih berhati-hati dengan apa yang anda katakan. Mohon agar Tuhan juga memberi kekuatan kepada anda supaya menggunakan kata-kata yang memberkati, menggalak dan mengasih orang lain.

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Negeri Sarawak

Sarawak adalah sebuah negeri yang sangat istimewa di dalam Malaysia. Bukan sahaja ia mempunyai banyak sumber semula jadi yang menjana ekonomi negara, ia juga merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai bilangan orang Kristian lebih banyak daripada orang Islam.

- Berdoa bagi kerajaan negeri agar melindungi sumber-sumber semula jadi di negeri ini dan juga rakyatnya.
- Mohon agar Tuhan memberkati kerajaan negeri dengan hikmah, agar mereka akan menjaga negeri ini dengan rasa takut akan Tuhan.
- Berdoalah bagi orang Kristian di negeri ini supaya berdiri teguh dan berkongsi tentang kasih Tuhan dengan seramai yang mungkin - walaupun dengan mereka yang tinggal jauh di kawasan pendalaman!

Brah: Aman dan Tenteram, Brah Kebenaran

“Janganlah khuatir akan apa pun. Dalam segala hal, berdoalah dan mintalah kepada Allah apa yang kamu perlukan. Apabila berdoa kepada Allah, hendaklah kamu selalu mengucap syukur. Kesejahteraan daripada Allah yang tidak mungkin difahami oleh manusia, akan menjaga hati dan fikiran kamu, kerana kamu sudah bersatu dengan Kristus Yesus.” Filipi 4:6-7

Apabila kita menghadapi kesusahan atau perlu membuat keputusan yang sukar, kadang kala susah untuk mendapatkan ketenangan di dalam hati kita. Berada dalam keadaan damai adalah bertentangan dengan bimbang atau masalah.

Syukurlah, sebagai anak-anak Tuhan yang Maha Besar, kita boleh datang kepada-Nya apabila kita menghadapi kesusahan atau cemas. Dia berjanji untuk memberikan kita kedamaian pada masa kita percaya kepada-Nya dan membantu kita menghadapi kesusahan. Dia juga akan memberikan kita kekuatan untuk membuat keputusan yang betul, walaupun ia sukar.

Adakah anda menghadapi kesusahan pada masa ini? Serahkannya kepada Tuhan, mohon kedamaian daripada Dia dan dengar bagaimana Dia memberitahu anda untuk menanganinya.

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Kebebasan Beragama

- Ia adalah hak setiap manusia untuk memilih agama mereka. Walau bagaimanapun, di Malaysia, tidak begitu. Berdoa bagi Kerajaan Malaysia agar menghormati hak rakyat.
- Berdoalah agar kasih Tuhan akan meliputi Malaysia dan memberikan keamanan kepada negara.

Sebaliknya, hendaklah kamu baik hati, saling berbelas kasihan, dan saling mengampuni sebagaimana Allah telah mengampuni kamu melalui Kristus. - Efesus 4:32

Pernahkah anda merasa sangat marah pada seseorang, kerana anda merasakan bahawa mereka telah menyakiti anda atau telah berlaku tidak adil kepada anda, dan anda telah berjanji untuk tidak memaafkan mereka? Berhati-hati - kerana tidak memaafkan boleh berakar umbi di dalam hati anda. Ini menyebabkan kepahitan di dalam diri anda dan kepahitan boleh membawa lebih banyak kemudaran kepada anda dan orang-orang di sekeliling anda.

Satu-satunya cara untuk menghilangkan kepahitan ialah melalui pengampunan. Tidak mudah untuk memaafkan seseorang, terutamanya apabila mereka telah memperlakukan anda dengan tidak baik - tetapi jika anda tidak menyelesaikannya, kepahitan akan berakar umbi dalam kehidupan anda.

Apakah anda sedang marah terhadap seseorang dan anda tidak sanggup untuk memaafkan dia? Beritahu Tuhan mengenainya dan mohon agar Tuhan memenuhi hati anda dengan kasih-Nya yang tanpa syarat, supaya membantu anda memaafkan dan melupakannya.

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat

- Berdoalah bagi keluarga di Malaysia, mohon agar Tuhan memberkati keluarga dan supaya ibu bapa menjadi contoh yang baik kepada anak-anak mereka.
- Berdoa untuk penyembuhan bagi yang sakit hati dan keluarga yang berpecah-belah.
- Berdoalah bagi Kerajaan agar bekerja keras untuk membantu orang ramai supaya membina keluarga yang kukuh. Berdoalah agar Tuhan akan memberi mereka kebijaksanaan untuk melaksanakannya.

Bual: Perumpamaan Pokok Ara

Baca Lukas13:6-8

Bolehkah anda memikirkan suatu masa di mana anda memerlukan peluang kedua? Bila dan adakah anda mendapatkannya? Semalam kita telah berbincang mengenai bagaimana Yesus telah memerintahkan kita supaya mengampuni sama seperti Dia telah mengampuni kita. Selalunya apabila kita memerlukan peluang kedua, kita telah diberitahu bahawa kita perlu mendapatkan peluang tersebut.

Tetapi tiada cara lain untuk kita mendapat peluang kedua seperti yang kita terima melalui kematian Yesus di atas salib – Yesus melakukannya kerana kasih-Nya yang sungguh besar dan bukan kerana kita layak. Walau bagaimanapun, tidak selalu ada peluang yang ketiga, keempat atau kelima. Kita tidak harus mempersia-siakan rahmat Tuhan.

Pokok ara itu telah diberikan peluang kedua walaupun ia tidak menghasilkan buah yang sepatutnya. Sekarang pekebun perlu melakukan segala usaha untuk memastikan bahawa pokok itu berbuah, jika tidak pada masa akan datang bila pemilik ladang datang semula, dia akan menebang pokok itu.

Adakah anda memerlukan peluang kedua, atau adakah anda tahu seseorang yang memerlukannya? Bercakap dengan Tuhan tentang perkara ini, dan dengar apa yang Dia hendak katakan. Berdoa bagi kawan-kawan dan keluarga anda yang tidak mengenali Yesus lagi, supaya mereka juga mempunyai peluang kedua untuk diselamatkan.

BERDOA UNTUK NEGARA: Masyarakat


Masyarakat terdiri daripada orang-orang yang tinggal di sekeliling anda - jiran-jiran, rakan-rakan sekelas dan guru-guru, kawan-kawan dan keluarga.

- Berdoa bagi organisasi-organisasi yang ditubuhkan untuk membantu yang miskin dan ahli-ahli yang kurang upaya dalam masyarakat kita. Mohon agar Tuhan memberkati mereka dan menyediakan apa sahaja yang mereka perlukan.

Pemenang adalah pengumpul buah terbanyak!

Kumpulkan beberapa buah yang termampu dari awal sampai akhir tanpa menggunakan laluan yang sama. Kongsi laluan anda dengan kawan dan lihat siapakah pengumpul buah terbanyak.

MULA DI SINI



___ x berjaya dikumpul!

Pemangkasan: Pemangkas Agung

Apabila pengusaha ladang anggur mahu memastikan tanamannya sihat, salah satu perkara yang dia perlu lakukan adalah memangkas. Pemangkasan tanaman bermakna memotong carang-carang mati dan daun-daun, dan memastikan tanaman itu dalam keadaan yang baik.

Seperti pengusaha ladang anggur, Tuhan kadang kala “memangkas” bahagian-bahagian kehidupan kita, supaya memastikan kita sentiasa cergas dan sihat secara rohani. Ia mungkin menyakitkan dan sukar untuk melaluinya, tetapi ia adalah satu langkah yang perlu kita lalui jika kita mahu menjadi orang-orang yang Dia boleh gunakan untuk membawa kepada-Nya kemuliaan.



Walaupun kita perlu melalui masa pemangkasan yang sukar, kita boleh bergantung kepada Tuhan untuk bersama dengan kita semasa melalui semua itu. Dia tidak akan meninggalkan kita pada masa senang atau mahupun susah dan segala sesuatu yang Dia lakukan, ia adalah untuk kebaikan kita sendiri. **Adakah anda bersedia untuk membiarkan Tuhan memangkas hidup anda, supaya anda boleh menjadi alat-Nya yang berkesan?**

BERDOA UNTUK NEGARA: Kementerian Komunikasi dan Media

Kementerian kerajaan ini mengawal segala yang berlaku di media massa seperti televisyen, akhbar dan Internet di Malaysia.

- Berdoa bagi menterinya supaya mempunyai penasihat-penasihat yang baik untuk membantu dia membuat keputusan yang betul.
- Berdoalah agar rakyat Malaysia akan menggunakan media dengan bijak dan bertanggungjawab.

Memangkas: Keadaan yang Diinginkan

Adakah anda masih ingat kali terakhir anda pernah luka atau cedera? Mungkin anda terjatuh dan lutut anda tergeser, atau tanpa sengaja anda terluka dengan objek tajam.

Apakah perkara pertama yang ibu bapa anda atau jururawat terpaksa lakukan untuk merawat luka anda? Pertama, luka dibersihkan terlebih dahulu, kemudian disapu dengan ubat cecair dan dibalut.

Apabila luka itu sedang dibersihkan dan disapu dengan ubat cecair, ia terasa sakit sedikit, betulkah? Tetapi anda tahu bahawa anda terpaksa menanggung kesakitan untuk sementara waktu, kerana ia adalah satu-satunya cara supaya luka akan sembuh.

Dengan cara yang sama, apabila Tuhan berurus dengan kehidupan kita, ia biasanya tidak selesa pada mulanya. Tetapi kerana Dia adalah Bapa Syurgawi kita yang baik, yang sangat mengasihi kita, Dia tahu bahawa Dia perlu membuang perkara-perkara dalam kehidupan kita yang akan menjelaskan hubungan kita dengan-Nya.

Walaupun dalam keadaan yang sukar dan menyakitkan, ingatlah bahawa Tuhan akan bersama anda di setiap langkah perjalanan untuk membantu anda melalui semua.

BERDOA UNTUK NEGARA: Akhbar

Wartawan akhbar adalah mereka yang melaporkan berita - sama ada di televisyen, radio, internet atau media cetak seperti surat khabar dan majalah.

- Berdoa bagi wartawan-wartawan di Malaysia agar berani dalam melaporkan kebenaran.
- Berdoalah bagi wartawan-wartawan Kristian agar menggunakan kerjaya mereka untuk membawa kemuliaan Tuhan.



Memangkas: Cara dan Proses

“Sebaliknya, utamakanlah Pemerintahan Allah dengan melakukan apa yang dikehendaki oleh Allah, maka semua itu akan diberikan oleh Allah kepada kamu. Janganlah takut, hai kamu yang kecil bilangan, kerana Bapa kamu berkenan membenarkan kamu menikmati Pemerintahan-Nya”. - Lukas 12:31-32

Dia telah ciptakan supaya kita menikmati kehidupan yang berlimpah-limpah. Walau bagaimanapun, dosa membuatkan kita berhenti mempercayai dan berharap kepada Tuhan, dan membawa kita mengikuti jalan kita sendiri. Apabila kita cuba untuk melakukan sesuatu dengan cara kita dan bukannya cara Tuhan, kita selalu mendapati diri kita dalam kesusahan, kerana kita tidak benar-benar tahu apa yang kita lakukan.

Yesus telah memberitahu kita supaya mencari Tuhan yang pertama - iaitu, agar kita mengikut arahan-Nya untuk semua yang kita lakukan dan setiap keputusan yang kita buat. Tuhan mengetahui apa yang Dia lakukan, dan apabila kita percaya kepada-Nya, Dia akan memastikan supaya kita mempunyai segala-galanya yang kita perlukan. **Adakah anda mempunyai masalah dalam mempercayai Tuhan? Mengapa? Bercakap dengan Dia tentang perkara ini dan mohon agar Tuhan membantu anda supaya mempercayai-Nya dengan segenap hati anda.**

BERDOA UNTUK NEGARA: Seni dan Hiburan

Persembahan Seni dan hiburan adalah tayangan-tayangan yang anda tonton di TV, radio, teater atau Internet. Sebagai orang Kristian, adalah penting untuk berhati-hati tentang apa yang anda lihat.

- Berdoa bagi orang Kristian yang bekerja dalam bidang seni dan industri hiburan agar mereka mengongsikan kasih Tuhan dan berpegang pada kehendak Tuhan.
- Berdoa bagi orang Kristian dalam industri ini agar menggunakan karya mereka untuk membawa kemuliaan Tuhan.

Memangkas: Penontongan yang Menyembuhkan

Tetapi bagi kamu yang taat kepada-Ku, kuasa-Ku yang menyelamatkan kamu akan terbit seperti matahari, dan kuasa-Ku itu akan memberikan kesembuhan seperti sinar matahari. Kamu akan bebas dan gembira seperti anak lembu yang dikeluarkan dari kandang. - Maleakhi 4:2

Pernahkah anda bangun awal pagi dan melihat matahari terbit – semuanya beralih dari kegelapan kepada terang? beginilah kasih Tuhan dalam kehidupan kita - kasih-Nya menyembuhkan dan mengubah semua kegelapan dan kekecewaan dalam hidup kita untuk memberi kita hari baru, permulaan yang baru.

Adakah anda mempunyai bahagian dalam hidup anda, atau seseorang yang anda tahu, di mana anda memerlukan Tuhan untuk menyinari cahaya kasih-Nya? Alkitab mengatakan bahawa Dia adalah Tuhan yang setia, yang akan sentiasa ada apabila kita memerlukan Dia. Bercakap dengan Tuhan mengenai apa yang anda perlukan, dan mohon kepada Tuhan supaya menyinari cahaya-Nya dan mengisi hidup anda dengan kasih-Nya -: kasih-Nya yang sempurna akan menghilangkan semua ketakutan dan kegelapan.

BERDOA UNTUK MALAYSIA – Negeri Perlis

Perlis adalah negeri yang paling kecil di Malaysia, tetapi ia juga tidak kurang penting daripada negari yang lain! Di utara Perlis ialah sempadan antara Malaysia dan negara Thailand. Mari kita berdoa untuk Perlis:

- Agar orang Kristian di Perlis akan bersinar dengan cahaya Tuhan dan mengongsikan kasih-Nya kepada orang-orang yang belum mengenali-Nya.
- Banyak aktiviti-aktiviti haram berlaku di sempadan antara Malaysia dan Thailand. Berdoa agar Tuhan akan meletakkan orang-orang yang baik untuk menjaga di sempadan.

Memangkas: Untuk Berbuah, Lebih, Lebih

Katakan seseorang memberi anda biji buah mangga untuk ditanam, dan anda membuat keputusan untuk menanamnya di hadapan rumah anda. Anda mengorek tanah dan kemudian menanam biji mangga tersebut.

Setiap hari anda memeriksa jika biji itu bercambah. Jika ada tumbuhan atau rumput-rumput berhampiran yang mungkin menganggu tumbesarnya, anda akan mencabutnya.

Seperti anak pokok bertumbuh menjadi pokok mangga besar, anda akan memastikan ia mempunyai cukup air dan baja. Akhirnya ia tumbuh menjadi besar, pokok yang kuat dan mula berbuah – anda tentu gembira! Pokok mangga anda sekarang menghasilkan buah yang anda boleh kongsikan dengan kawan-kawan dan keluarga anda. Jika ada burung-burung atau haiwan lain yang mungkin merosakkan buah-buah, anda akan mengusirnya.

Tuhan ingin melihat kita membesar menjadi “pokok” yang sihat yang menghasilkan buah yang baik, supaya kita dapat mengongsikan buah Roh (yang kita telah bincangkan sebelum ini), dengan orang-orang di sekeliling kita. **Adakah terdapat apa-apa dalam kehidupan kita yang mungkin menghalang kita daripada bertumbuh menjadi “pokok” yang sihat untuk Tuhan, atau yang mungkin menghalang kita daripada menghasilkan buah yang baik?**

BERDOA UNTUK NEGARA: Negari Kedah

- Berdoa bagi orang Kristian di Kedah agar menjadi garam dan cahaya bagi orang-orang di sekeliling mereka. Berdoa agar lebih ramai orang Kristian akan bangkit untuk mengajar orang lain tentang kebenaran firman Tuhan.
- Berdoa bagi orang-orang muda yang berasal dari Kedah agar kembali ke negeri mereka selepas belajar di tempat lain, dan berkhidmat kepada rakyat Kedah.



Negeri-negeri di Malaysia

Terdapat 13 buah negeri di Malaysia dan tiga Wilayah Persekutuan. Bolehkah anda menunjukkan negeri-negeri itu di dalam gambar di bawah? Apakah yang anda tahu mengenai setiap negeri?



Memangkas: Harapan si Peladang

“Yesus berkata lagi, “Aku pokok anggur yang sejati, dan Bapa-Ku peladang anggur. Setiap carang-Ku yang tidak berbuah dikerat oleh-Nya, dan setiap carang yang berbuah dipangkas oleh-Nya supaya bersih dan berbuah lebih lebat.” Yohanes 15:1-2

Sebelum ini kita telah bercakap tentang bagaimana Tuhan mahu kita menjadi pokok yang sihat dan menghasilkan buah yang baik, supaya orang-orang di sekeliling kita dapat mengenali-Nya melalui kita. Jika kita membenarkan Tuhan, Dia akan menggunakan kehidupan kita dengan cara yang luar biasa - tetapi sebelum itu Dia perlu membuang bahagian-bahagian yang tidak sihat dalam hidup kita, yang boleh memudaratkan kita dan orang lain.

Tanya Tuhan apa yang Dia mahu lakukan dalam hidup anda, apakah rancangan-Nya untuk anda? Dia telah mencipta anda dengan tujuan yang istimewa, mohon Agar Dia menolong anda memenuhi tujuan itu.

BERDOA UNTUK NEGARA: Negeri Pulau Pinang

- Pulau Pinang ialah antara sebuah negeri yang membangun di Malaysia. Berdoa bagi negeri Pulau Pinang dan Ketua Menteri, Lim Guan Eng. Berdoa agar Tuhan akan memberikan dia dan kerajaannya hikmat dan hati yang mengutamakan rakyat.
- Berdoa agar hati dan fikiran orang-orang Pulau Pinang akan terus beralih kepada Tuhan Yesus.

Memangkas: Mengurangkan

“Yesus menjawab, “Sesiapa mengasihi Aku akan mentaati ajaran-Ku. Bapa-Ku akan mengasihi dia. Bapa-Ku dan Aku akan datang kepada orang itu dan tinggal dengan dia.” Yohanes 14:23

Di sekolah atau kadang-kadang di rumah, jika anda tidak melakukan apa yang disuruh oleh guru atau ibu bapa anda, anda akan dihukum. Yesus mengajar kita bagaimana untuk menjalani kehidupan kita dengan cara yang betul, dan jika kita mengikuti Yesus, kita akan mengetahui tujuan Tuhan untuk hidup kita – iaitu sebabnya mengapa kita dilahirkan.

Tuhan mengasihi kita lebih daripada yang kita tahu. Dia sangat mengasihi kita sehingga Dia telah mengutus Anak-Nya untuk menyelamatkan kita dan Dia telah berjanji untuk bersama kita di setiap saat dalam kehidupan kita. Dia sentiasa mengawasi kita, sentiasa bersedia untuk membimbing kita, dan sentiasa bersedia untuk mengampuni apabila kita mengakui dosa kita kepada-Nya.

Tuhan muhu kita mentaati apa yang Dia beritahu untuk kita lakukan kerana kita mengasihi-Nya, dan bukan kerana kita takut bahawa Dia akan menghukum jika kita tidak melakukannya. **Adakah anda tahu sejauh mana Tuhan mengasihi anda? Adakah anda cukup mengasihi Dia untuk taat kepada-Nya? Mohon agar Tuhan membantu anda supaya mengasihi Dia dengan segenap hati, jiwa, minda dan kekuatan, supaya anda mengikuti Dia kerana anda mengasihi-Nya.**

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Negeri Perak

- Negeri Perak mempunyai bilangan kampung Cina yang lebih banyak berbanding negeri lain di Malaysia. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada mereka bukan Kristian. Berdoa agar hadirat Tuhan bersinar di kampung-kampung orang Cina dan juga kepada seluruh rakyat Perak, supaya mereka mengalami kasih-Nya.
- Pangkalan tentera laut Malaysia terletak di Lumut - sebuah daerah di Perak (Tentera Laut ialah mereka yang mengawal kawasan perairan laut Malaysia). Berdoalah agar Tuhan melindungi angkatan tentera laut semasa mereka mengawal keselamatan perairan Malaysia.

Firman Tuhan Dinyatakan



“Firman Allah itu hidup dan berkuasa, lebih tajam daripada pedang bermata dua. Firman itu menusuk sampai ke batas antara jiwa dan roh, sampai ke batas antara sendi-sendi dan tulang sumsum. Firman Allah menghakimi fikiran dan niat hati manusia.” Ibrani 4:12

Alkitab adalah lebih daripada sekadar sebuah buku dengan kata-kata dan muka surat – ia adalah Firman Tuhan, relevan dan berkuasa pada hari ini, atau ratusan tahun yang akan datang dan sama seperti ratusan tahun yang lalu. Melalui Alkitab, Tuhan bercakap kepada kita tentang keadaan kita setiap hari - sama ada tentang keluarga kita, kawan-kawan, sekolah atau – apa sahaja! Melalui Firman-Nya, Tuhan menyatakan bagaimana kita harus hidup dan bagaimana menghadapi setiap situasi.

Adakah anda meluangkan masa yang cukup untuk mengetahui apa yang Tuhan ingin katakan melalui Alkitab? Mohon agar Tuhan membantu anda supaya memahami apa yang Dia katakan melalui firman-Nya kepada anda setiap hari.

BERDOA UNTUK MALAYSIA – Yang Di-Pertuan Agong dan Sultan

Terdapat sembilan Sultan di Malaysia, termasuk Yang Di-Pertuan Agong. Sultan ialah ketua setiap negeri, manakala Agong ialah ketua negara.

- Berdoa agar Tuhan memberkati Sultan-sultan dan Agong dan memberi mereka kebijaksanaan untuk memerintah dengan baik.
- Yesus Kristus adalah Raja dari segala raja dan Tuhan di atas segala tuhan. Berdoalah agar setiap orang di Malaysia akan mengetahuinya suatu hari nanti.

Firman Sebagai Walyu Semula Jadi

“Lalu aku mendengar semua makhluk di syurga, di bumi, di bawah bumi, dan semua makhluk di dalam laut - pendeknya semua makhluk di alam semesta ini - menyanyi, “Kepada Dia yang duduk di atas takhta, dan kepada Anak Domba itu, kami persembahkan pujian dan penghormatan, kemuliaan dan kekuasaan selama-lamanya!” Wahyu 5:13

Semua perkara dalam penguasaan Tuhan – Hanya Dia dan Dia adalah Raja, Pemerintah dan Pencipta segala sesuatu. Bila Allah menciptakan bumi, Dia membentuknya daripada kasih sayang, dan segala sesuatu di alam ini dicipta untuk beribadah kepada-Nya. Jika anda mempunyai masa, pergi ke luar dan lihat bagaimana awan bergerak seperti angin bertiup, lihat beberapa daun atau bunga-bunga - anda akan mendapati bahawa setiap daun dan setiap bunga dicipta dengan bentuk tersendiri dan secara unik, oleh Tuhan yang kreatif yang maha kuasa dan penuh dengan kebesaran.

Selepas itu, lihat di cermin - ANDA telah diciptakan oleh Tuhan dan tidak ada orang lain yang sama seperti anda. Apabila Dia menciptakan anda - Dia membuat rambut, kulit, mata, gigi anda dengan cara terperinci - dan katakan bahawa anda adalah istimewa. Ambil sedikit masa untuk memikirkan tentang bagaimana anda boleh melihat Tuhan melalui alam semula jadi.

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Perdana Menteri

Perdana Menteri Malaysia mengambil berat tentang kebanyakan keperluan negara ini, bersama-sama dengan Kabinetnya. Oleh itu, peranannya sangat penting.

- Berdoa agar Tuhan akan memberkati Perdana Menteri Malaysia dan memberinya kebijaksanaan untuk menjalankan tugas dengan baik.
- Berdoalah bagi semua menteri-menteri Kabinet, supaya mereka membantu Perdana Menteri mentadbir negara dan menggunakan sumber negara untuk kegunaan yang baik.
- Berdoa bagi Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinetnya agar sayangkan Malaysia lebih daripada wang atau kuasa.

“Tetapi Roh Allah, Penolong yang akan diutus oleh Bapa demi nama-Ku, akan mengajar kamu segala-galanya dan akan mengingatkan kamu segala yang telah Aku katakan kepada kamu.” Yohanes 14:26

Apabila Yesus meninggalkan pengikut-pengikut-Nya untuk kembali ke syurga untuk bersama dengan Bapa-Nya, Dia berkata bahawa mereka tidak akan dibiarkan bersendirian. Dia selalu bersama mereka, sebab Tuhan akan mengutus Roh Kudus untuk membantu mereka dan menolong mereka menjalankan perintah-Nya.

Roh Kudus ada bersama kita juga! Alkitab mengatakan bahawa sebagai orang Kristian, tubuh kita adalah bait Roh Kudus yang tinggal di dalam kita, dan sentiasa memimpin kita setiap hari.

Adakah anda tahu bahawa Roh Kudus membimbing anda, bolehkah anda mendengar, melihat atau merasa kehadiran-Nya dalam hidup anda?

Mohon Tuhan supaya membantu anda mendengar dan melihat Roh Kudus dengan lebih jelas, dan mengenal Dia dengan lebih baik. Berdoalah dengan ibu atau bapa anda atau dengan pastor anda, untuk memohon Roh Kudus supaya menjadikan tubuh anda sebagai rumah-Nya, dan membimbing anda dalam segala hal.

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Menteri-menteri Kabinet

Menteri-menteri Kabinet di kementerian yang berbeza ialah mereka yang bertanggungjawab menjaga keperluan rakyat Malaysia. Mereka memegang jawatan yang sangat penting, kerana mereka perlu memastikan Malaysia ditadbir dengan baik dan juga menjaga rakyatnya dengan baik.

- Berdoa agar lebih ramai orang-orang Kristian yang bekerja di dalam kerajaan untuk membantu Kementerian-kementerian.
- Berdoa bagi Menteri-menteri Kabinet, supaya mereka akan melakukan kerja mereka kerana mereka sayangkan Malaysia dan bukan kerana mereka inginkan kuasa atau wang. Mohon agar Tuhan memberkati Menteri Kabinet kita, dan memberi mereka kebijaksanaan untuk menjalankan tugas mereka dengan baik.


Bolehkah anda pecahkan kod ini?

Jik‿‿au k‿mu t‿n‿al
d‿ d‿l‿m Aku d‿‿ firman-Ku
t‿‿ ggal d‿ dal‿‿ ka‿‿,
mi‿‿lah a‿a s‿ja yang
ka‿u k‿h‿daki, d‿n kamu
a‿‿n m‿neri‿anya.

Yohanes 15:7

Firman Tuhan Tinggal Tetap Dalam Kita: Firman dan Kuasa

“Semua yang tertulis di dalam Alkitab diilhami oleh Allah dan berguna untuk mengajar apa yang benar, untuk menegur dan membetulkan apa yang salah, dan untuk mengajar orang supaya hidup menurut kehendak Allah.” 2 Timotius 3:16



Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, Alkitab lebih daripada sebuah buku. Ia adalah Firman Tuhan yang membawa kuasa Tuhan. Sama seperti ayat di atas yang berkata, Firman Tuhan boleh digunakan untuk semua keadaan dalam kehidupan kita.

Adakah anda membaca Firman Tuhan dengan kerap? Jika tidak pernah satu kali pun, minta ibu bapa atau guru Sekolah Minggu supaya membantu anda untuk menyediakan jadual bacaan, agar anda boleh menetapkan masa untuk mengkaji firman Tuhan setiap hari.


BERDOA UNTUK MALAYSIA - Kerajaan Persekutuan

Terdapat dua kerajaan utama yang menjaga segala-galanya yang berlaku di Malaysia - kerajaan-kerajaan negeri yang mentadbir setiap negeri dan Kerajaan Persekutuan yang memerintah semua kerajaan-kerajaan negeri dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain.

- Perdana Menteri adalah orang utama yang bertanggungjawab bagi Kerajaan Persekutuan. Berdoa agar dia akan melakukan kerjanya dengan cara yang adil dan jujur.
- Berdoalah agar Tuhan akan memberkati Kerajaan Persekutuan dan mereka yang bekerja di dalamnya dengan hikmah dan takut akan Tuhan.

Firman Tuhan Tinggal Tetap Dalam Kita: Firman Sebagai Injil

“Dengan jalan ini kita mengetahui cara mengasihi orang lain: Kristus sudah menyerahkan hidup-Nya untuk kita. Oleh itu kita harus menyerahkan hidup kita untuk saudara-saudara kita!” 1 Yohanes 3:16



Apabila Yesus dilahirkan, gembala-gembala yang menjaga domba telah menghadap malaikat-malaikat yang mengumumkan berita baik - Penyelamat di sini! Dia telah datang untuk menyelamatkan dunia!

Ini adalah Injil - kerana kasih Tuhan sangat besar kepada kita, kita dapat diselamatkan dan kita boleh menjalani kehidupan yang Dia telah sediakan untuk kita – semuanya kerana Yesus telah membayar harga untuk dosa-dosa kita di kayu Salib.

Bersyukur kepada Tuhan kerana menghantar kasih-Nya untuk kita - Dia sangat mengasihi kita sehingga Dia mengorbankan Anak-Nya sendiri supaya kita dapat diselamatkan. **Berdoa agar Roh Kudus akan mengingatkan anda mengenai kasih Tuhan - supaya semua yang anda lakukan hanya kerana cinta anda kepada-Nya.**

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Kerajaan Negeri dan Tempatan

Kerajaan Negeri dan Tempatan mentadbir negeri masing-masing. Sesetengah negeri diketuai oleh Ketua Menteri, sementara yang lain diketuai oleh Menteri Besar.

- Berdoalah bagi setiap Ketua Menteri dan Menteri Besar dan mohon Tuhan supaya memberkati mereka dengan kebijaksanaan dan takut akan Tuhan.
- Berdoa agar mereka tidak mengambil sogokan dan rasuah, dan mohon Tuhan supaya membantu mereka menyayangi negeri yang mereka tadbir.

Firman Tuhan Tinggal Tetap Dalam Kita: Misi dan Penginjilan

“Pergilah kepada semua bangsa di seluruh dunia dan jadikanlah mereka pengikut-Ku. Baptislah mereka dengan menyebut nama Bapa, Anak, dan Roh Allah. 20 Ajarlah mereka mentaati segala yang sudah Aku perintahkan. Ingatlah, Aku akan sentiasa menyertai kamu sehingga akhir zaman.”

Matius 28:19-20

Di sekeliling kita ada orang-orang yang hidup dengan sia-sia, kerana mereka tidak mengenal Tuhan. Bolehkah anda memikirkan sesiapa sahaja yang anda tahu seperti itu? Yesus Kristus datang untuk menyelamatkan SEMUA manusia dan ia adalah tugas bagi kita yang sudah mengenali Dia supaya berkongsi berita baik ini dengan mereka yang belum mengetahuinya.

Mohon agar Tuhan menunjukkan kepada anda siapa yang anda boleh kongsikan tentang Injil pada hari esok atau minggu hadapan dan berdoa untuk mereka. Berdoalah agar Tuhan akan membuka mata dan hati mereka supaya menerima kasih-Nya, semasa anda memberitahu mereka apa yang telah dilakukan Tuhan untuk mereka.

BERDOA UNTUK MALAYSIA – Ahli Parlimen

Parlimen juga dikenali sebagai Dewan Rakyat - di mana mereka yang bertanggungjawab bagi menjaga keperluan rakyat Malaysia akan bertemu untuk membincangkan isu-isu di negara ini. Pada masa ini, terdapat 222 anggota dalam Parlimen Malaysia yang mewakili pelbagai bidang di negara ini.

- Berdoa agar Tuhan akan memberikan ahli-ahli Parlimen dengan hikmah semasa mereka membincangkan keperluan negara.
- Berdoalah agar lebih banyak Kristian bangkit untuk menjadi Ahli Parlimen, dan bagi mereka yang sudah menjadi Ahli Parlimen supaya benar-benar menjadi terang Tuhan di Parlimen Malaysia.

Firman Tuhan Tinggal Tetap Dalam Kita: Mazmur 119

Baca keseluruhan bab Mazmur 119 dan tulis bagaimana Tuhan bercakap kepada anda melalui bab Alkitab ini.

Tuliskan pendapat anda di sini.

Bercakaplah dengan Tuhan mengenainya dan bincangkan apa yang Tuhan telah nyatakan kepada anda dengan orang tua, pastor atau guru Sekolah Minggu anda.

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Wilayah Persekutuan

Wilayah Persekutuan adalah kawasan-kawasan di Malaysia di mana pejabat-pejabat dan pusat-pusat kerajaan berada. Terdapat tiga Wilayah Persekutuan di Malaysia - Kuala Lumpur dan Putrajaya di Malaysia Barat dan Labuan di Malaysia Timur.

- Berdoalah agar kebenaran dan kesalehan akan tercurah di Wilayah-Wilayah Persekutuan Malaysia.
- Berdoa agar lebih banyak orang Kristian akan bangkit untuk menyertai badan-badan kerajaan dan membuat perubahan melalui peranan-peranan mereka.

Kwasa apabila Tinggal Tetap: Kebergantungan Anak

“Filipus, tidakkah kamu percaya bahawa Aku bersatu dengan Bapa, dan Bapa bersatu dengan Aku? Apa yang Aku katakan kepada kamu semua, tidak datang daripada Aku sendiri. Bapa, yang tetap bersatu dengan Aku melakukan semua itu.”


Yohanes 14:10

“Jika kamu tetap bersatu dengan Aku, dan ajaran-Ku kamu simpan di dalam hati, mintalah apa sahaja yang kamu kehendaki daripada Bapa, dan permintaan kamu itu akan dipenuhi. “Yohanes 15:7

Semua yang telah dilakukan Yesus semasa Dia berada di bumi adalah menurut kehendak Allah. Yesus menghabiskan berjam-jam setiap hari untuk berdoa, bercakap dengan Allah Bapa-Nya. Dia sentiasa bergantung kepada Allah untuk menunjukkan kepada-Nya apa yang perlu dilakukan dan untuk kekuatan semasa menghadapi kesukaran.

Sebagai anak-anak Tuhan, kita juga sepatutnya sentiasa berhubung dengan Tuhan, Bapa kita. Tuhan sangat rindu agar kita berada dekat dan bercakap dengan-Nya, sama seperti ibu bapa kita di dunia yang rindu berada dekat dengan kita dan mempunyai hubungan yang baik dengan kita.

Adakah anda dekat dengan Allah Bapa yang mengasihi, atau anda jauh daripada-Nya? Alkitab mengatakan “datang dekat dengan Tuhan, dan Tuhan akan datang dekat dengan anda”. Apabila anda berada dekat dengan Tuhan, anda bukan sahaja mendapat semua yang anda perlukan dalam hidup, tetapi juga mengetahui siapa Dia yang menciptakan anda.



Adakah kamu tahu warna yang ada pada bendera Sabah? Warna bendera di atas.

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Negeri Sabah

Sabah adalah salah satu daripada dua negeri di Malaysia yang terletak di Malaysia Timur, atau Borneo. Ia adalah sebuah negari yang indah yang mempunyai banyak pulau dan sumber semula jadi. Malangnya, negari ini telah menjadi sasaran lanun dari negara lain baru-baru ini, yang cuba menuntut sebahagian daripada negeri ini menjadi milik mereka.

- Berdoa agar Tuhan akan melindungi negeri Sabah, khususnya sempadan Sabah, supaya orang-orang yang cuba untuk menyerang negeri ini akan gagal dalam rancangan mereka.
- Berdoalah agar Tuhan akan memberkati orang-orang Sabah, dan kerajaan negeri akan melindungi negeri ini daripada serangan pengganas atau sesiapa sahaja yang cuba mengancam kedaulatan Sabah.

Kuasa ketika Tinggal Tetap: Adakah Anda Bangun?

“Berjaga-jagalah dan berdoalah supaya kamu tidak mengalami cubaan. Memang kamu ingin melakukan apa yang benar, tetapi kamu tidak sanggup kerana tabiat manusia lemah.”

Matius 26:41

Sebelum Yesus ditangkap oleh tentera Rom, Dia dengan pengikut-pengikut-Nya telah pergi ke taman Getsemani untuk berdoa. Malangnya, pengikut-pengikut-Nya tidak berdoa tetapi tertidur!

Alkitab mengatakan bahawa Yesus membangunkan mereka sehingga tiga kali, dan menggesa mereka untuk berdoa - tetapi sekali lagi mereka tertidur. Yesus berkata bahawa hanya mereka yang berdoa akan mempunyai kekuatan untuk menghadapi masa yang sukar dalam kehidupan kita. **Adakah anda percaya kepada kuasa doa? Fikirkan beberapa kesukaran dalam hidup anda yang anda berjaya menghadapinya dengan doa.**

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Kementerian Pendidikan

Kementerian Pendidikan yang mentadbir semua sekolah dan sukanan pelajaran sekolah, dari tadika hingga ke universiti. Kementerian ini bertanggungjawab dalam memastikan semua rakyat Malaysia mendapat pendidikan yang betul dan memastikan supaya semua rakyat Malaysia mempunyai peluang untuk pergi ke sekolah.

- Berdoa bagi Menteri Pendidikan dan mereka yang bekerja di kementerian ini - supaya mereka akan melihat kepentingan kerjaya mereka dan melaksanakannya dengan baik.
- Berdoalah agar Tuhan akan memberikan mereka hati untuk memastikan bahawa semua rakyat Malaysia diberikan pendidikan yang betul, dan peluang yang sama dalam pendidikan.
- Berdoalah bagi kanak-kanak di kawasan luar bandar dan kanak-kanak daripada keluarga miskin, agar kerajaan dan masyarakat di sekeliling mereka akan memastikan agar mereka menerima pendidikan yang betul, dan berpeluang untuk pergi ke sekolah sama seperti orang lain.

Kwasa ketika Tinggal Tetap: Tempat Tersembunyi; Pemulaan Kecil

“Tetapi TUHAN berfirman kepada Samuel, “Jangan perhatikan tinggi badannya atau kacak rupanya; bukan dia yang Aku kehendaki. Aku tidak menilai orang seperti cara manusia menilai orang. Manusia melihat rupa tetapi Aku melihat hati.” 1 Samuel 16:7

Anda tahu kisah bagaimana Daud mengalahkan Goliat, dan akhirnya menjadi raja. Daud adalah anak bongsu daripada tujuh abang-abangnya - yang semuanya berbadan besar dan kuat. Sementara abang-abangnya pergi berperang, Daud menjaga domba-domba dan kambing bapanya.

Apabila Allah menyuruh Samuel untuk mengurapi raja Israel yang berikutnya, walaupun Samuel menyangka bahawa salah seorang saudara Daud yang berbadan besar dan kuat akan dipilih untuk menjadi Raja. Bagaimanapun, Tuhan telah memberitahu Samuel - “Manusia menilai melalui penampilan luaran, tetapi TUHAN melihat hati.”

Pernahkan anda kadang-kadang merasa sangat kecil bila melakukan perkara-perkara yang besar untuk Tuhan? Dekatlah dengan Tuhan, dan kasihilah Dia dengan segenap hati anda - dengan berbuat demikian, Dia akan melatih hati anda menjadi kuat. Tuhan boleh menggunakan orang-orang yang mempunyai hati yang kuat untuk melakukan perkara-perkara yang besar untuk-Nya.

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Pra-sekolah

- Berdoalah bagi mereka yang mengusaha sekolah-sekolah tadika dan pra-sekolah, agar mereka akan menjalankan tanggungjawab mereka untuk memastikan anak-anak kecil dijaga dengan baik sementara ibu bapa mereka di tempat kerja.
- Berdoalah bagi Kementerian Pendidikan supaya memastikan hanya mereka yang berkelayakan boleh membuka pra-sekolah dan tadika.

Kwasa ketika Tinggal Tetap: Pahlawan yang Berani

“Ingatlah perintah-Ku kepadamu supaya engkau yakin dan berani! Jangan takut ataupun tawar hati, kerana Aku, TUHAN, Allahmu, menyertai engkau ke mana sahaja engkau pergi.” Yosua 1:9

Semasa kita berjalan melalui kehidupan bersama Tuhan, kadang kala kita akan menghadapi situasi yang menakutkan, yang kita mungkin merasa ia terlalu besar atau sukar untuk kita mengendalikannya, atau situasi yang menjadikan kita takut. Di dalam Alkitab kita membaca tentang lelaki dan wanita yang berani - Joshua, Raja Daud, Ratu Ester – yang Tuhan telah pakai untuk melakukan perkara-perkara yang besar. Tetapi setiap masa, Tuhan ada di sana untuk memberitahu mereka, “Jangan takut, Aku menyertai kamu”.

Tuhan mengatakan perkara yang sama kepada anda dan saya hari ini - Jangan takut kerana Aku sentiasa bersama kamu. Adakah anda percaya bahawa Tuhan kita adalah lebih besar daripada keadaan yang paling sukar?

Apakah situasi-situasi yang membuat anda takut? serahkannya kepada Tuhan dan percaya bahawa Tuhan menyertai anda, anda boleh menghadapi apa saja!


BERDOA UNTUK MALAYSIA – Kementerian Hal Ehwal Agama

- Berdoa agar setiap rakyat Malaysia boleh memilih agama mereka tanpa rasa takut bahawa mereka akan rugi atau dimasukkan ke dalam penjara kerana pilihan mereka.
- Berdoa bagi kerajaan supaya berlaku adil dalam hal bagaimana mereka melayan setiap rakyat Malaysia, tanpa melihat kaum atau agama mereka.

Kwasa Ketika Tinggal Tetap: Yohanes Pembaptis

Apakah yang anda tahu tentang Yohanes Pembaptis? Dia adalah seorang lelaki yang lucu dengan pakaian yang diperbuat daripada bulu unta dan hanya memakan serangga-serangga (belalang) dan madu. Sebelum dia dilahirkan, malaikat telah muncul kepada bapanya, Zakharia, untuk memberitahunya bahawa isterinya akan melahirkan seorang anak lelaki. Zakharia tidak percaya malaikat itu, kerana dia dan isterinya sudah sangat tua. Oleh kerana dia tidak percaya, malaikat itu telah membuat Zakharia bisu (tidak dapat bercakap) sehingga Yohanes dilahirkan.

Yohanes dilahirkan dengan alasan yang sangat istimewa - ia adalah untuk mempersiapkan orang-orang bila kedatangan Penyelamat, Yesus. Yohanes dipanggil Yohanes "Pembaptis", kerana dia telah membaptis orang ramai dan memberitakan supaya mereka bersedia bila kedatangan Yesus.



Seperti Yohanes, kita semua dilahirkan dengan alasan yang sangat istimewa – iaitu untuk melakukan pekerjaan Tuhan, dan mempersiapkan orang lain bila Yesus datang semula! Kita melakukan ini dengan memberitahu kepada orang lain bahawa Yesus telah mati di atas salib untuk menyelamatkan mereka, setiap orang yang percaya akan diselamatkan, dan bahawa Yesus akan datang semula. **Yang terpenting ialah kita perlu hidup dengan kehidupan yang menunjukkan kasih Yesus, supaya orang lain dapat melihat-Nya melalui kita.**

BERDOA UNTUK MALAYSIA – Ekonomi

Ekonomi negara secara dasarnya menunjukkan bagaimana kayanya negara tersebut dan bagaimana ia mengurus kewangannya. Ekonomi memberi kesan bergantung sejauh mana orang ramai mengambil berat dan bagaimana membangunkan negara ini, berbanding dengan negara-negara lain.

- Berdoa agar Tuhan membersihkan amalan bisnes yang tidak beretika di negara ini – iaitu bisnes yang tidak dilakukan dengan cara yang betul.
- Berdoalah agar Tuhan membangkitkan mereka yang bijak yang mengasih Tuhan, untuk menasihati pemimpin negara tentang bagaimana mengendalikan ekonomi.

Kuasa ketika Tinggal Tetap: Warisan

Warisan ialah apa yang ibu bapa atau ahli keluarga anda sampaikan kepada anda. Apabila seseorang meninggalkan anda warisan, ia adalah hak milik anda, ianya kerana hubungan anda dengan orang itu.

Sebagai anak-anak Tuhan, Dia berkata di dalam Alkitab, bahawa Dia akan memberikan kita negara sebagai warisan kita - kita hanya perlu meminta. Sebagai rakyat Malaysia, Malaysia adalah warisan kita. Malaysia adalah hak milik setiap rakyat Malaysia, dan bukan hanya satu kumpulan orang tertentu.

Kerana ia adalah warisan kita, kita perlu bekerja keras dan berdoa kepada Tuhan supaya melindungi negara kita, supaya ia akan kekal makmur dan rakyatnya gembira, untuk generasi akan datang.

“Mintalah, maka semua bangsa akan Kuberi kepadamu, dan seluruh bumi akan Kujadikan milikmu.” Mazmur 2:8

Sebagai rakyat Malaysia, pernahkah anda memohon kepada Tuhan untuk negara sebagai warisan anda? Mohon Tuhan membantu anda supaya mengasih Malaysia, dan mengingatkan anda bahawa negara ini hak milik anda, sepermula ia adalah hak milik setiap rakyat Malaysia.


BERDOA UNTUK MALAYSIA - Kementerian Kewangan

Kementerian Kewangan yang menguruskan semua perkara mengenai wang di Malaysia, mereka mentadbir bank-bank dan institusi kewangan lain di negara ini dan yang memainkan peranan yang besar bagaimana wang Malaysia digunakan.

- Berdoalah bagi Menteri Kewangan dan mereka yang bekerja di kementerian ini supaya mengendalikan kerja mereka dengan cara yang dikehendaki Tuhan.
- Berdoalah agar Tuhan membangkitkan mereka yang bekerja di kementerian ini supaya bersuara terhadap sesiapa sahaja yang menggunakan wang negara dengan cara yang salah.

Kuasa ketika Tinggal Tetap: Roh Kudus Mempersara Kita

Pada hari yang ke-27, kita telah berbincang mengenai bagaimana sebelum Yesus kembali ke syurga, Dia memberitahu pengikut-pengikut-Nya bahawa Tuhan akan menghantar Roh Kudus, yang akan menasihat dan membimbing mereka tentang setiap perkara yang mereka lakukan.



Roh Kudus tidak hanya membimbang, Dia juga memberi kuasa. Ini bermaksud, untuk menguatkan seseorang dan memberikan mereka keupayaan untuk menjalankan tugas. Sepanjang sejarah, Roh Kudus telah memberikan kuasa kepada lelaki dan wanita untuk melakukan perkara-perkara yang besar dan mustahil untuk kemuliaan Tuhan.

Pada hari kemuncak 40 hari berdoa dan berpuasa untuk Malaysia, mari kita memohon agar Roh Kudus memberi kita kuasa untuk melakukan perkara-perkara yang lebih besar bagi Tuhan di Malaysia!

BERDOA UNTUK MALAYSIA – Universiti

Malaysia mempunyai banyak universiti yang baik - awam dan swasta - yang membolehkan orang ramai untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kita juga mempunyai ramai orang-orang pintar yang telah berjaya menamatkan pengajian dari universiti ini, dan juga yang bekerja di universiti, yang boleh menyumbang banyak perkara yang baik untuk negara ini.

- Berdoa agar Tuhan akan membangkitkan pensyarah-pensyarah yang berkualiti dan tutor-tutor untuk bekerja di universiti kita dan tidak mengambil orang-orang yang tidak berkelayakan.
- Berdoalah bagi setiap penduduk Malaysia agar mempunyai peluang yang adil dan sama rata untuk belajar di universiti awam di Malaysia, tanpa mengira bangsa atau agama mereka.

Tinggal Tetap dalam Kasih-Ku: Kayu Salib

“Aku mengasihi kamu seperti Bapa mengasihi Aku. Hendaklah kamu tetap hidup sebagai orang yang Aku kasihi.”
Yohanes 15:9

Tuhan telah menyelamatkan kita - Dia adalah Tuhan segala tuhan dan Raja di atas segala raja, tidak ada yang seperti-Nya, dan Dia boleh melakukan apa sahaja yang Dia mahu. Tetapi Dia melakukannya kerana Dia sangat mengasihi kita, seperti bapa mengasihi anaknya, begitu juga Dia tidak membenarkan kita hilang dalam dosa-dosa kita.

Kasih Tuhan untuk kita adalah sangat besar, lebih dahsyat dan lebih kuat daripada apa-apa yang kita pernah tahu. Kasih-Nya menyelamatkan, melindungi dan menyembuhkan kita. Ia begitu besar dan kuat, ia membuang ketakutan. Tidak ada kuasa di bumi yang boleh menghalang kasih Tuhan kepada kita. Ini semua yang kita perlukan dalam hidup ini.

Apa yang Yesus telah lakukan di atas kayu salib, ialah membayar harga untuk dosa-dosa kita, kerana kita tidak dapat membayarnya bagi diri kita sendiri, ia adalah bukti kasih Tuhan kepada kita. Luangkan masa untuk berterima kasih kepada Tuhan kerana kasih-Nya dan mohon Dia supaya mengingati anda tentang kasih-Nya setiap hari. Ini semua yang anda perlukan.

BERDOA UNTUK MALAYSIA – Sekolah

- Berdoa bagi semua sekolah dan guru-guru di Malaysia, agar mereka mengambil serius pekerjaan mereka sebagai pendidik dan tanggungjawab mereka untuk mengajar kanak-kanak di negara ini supaya menjadi orang dewasa yang bertanggungjawab.
- Berdoalah agar Tuhan akan menyentuh hati setiap guru, supaya mereka mahu membuat perubahan dalam kehidupan pelajar mereka dan mengajar perkara-perkara yang betul.

Tinggal Tetap dalam Kasih-Ku: Ketaatan

“Jika kamu mentaati perintah-Ku, Aku akan tetap mengasihi kamu, seperti Bapa tetap mengasihi Aku kerana Aku mentaati perintah-Nya.” Yohanes 15:10

Yesus berkata bahawa jika kita mengasihi Dia, kita akan taat kepada-Nya - ia ialah reaksi secara automatik. Kita mendengar ibu bapa kita dan mentaati apa yang mereka katakan apabila mereka memberitahu kita untuk melakukan sesuatu, kerana kita mengasihi mereka dan tahu bahawa apa yang mereka mahu kita lakukan adalah untuk kebaikan kita sendiri.

Apabila kita taat kepada Tuhan, kita akan semakin mengenali-Nya dan semakin kita mengenali Dia kita akan lebih mengasihi-Nya.

Di penghujung 40 hari berdoa dan berpuasa, marilah kita memohon agar Tuhan membantu kita berjalan bersama Dia dengan penuh ketaatan dalam setiap kehidupan kita. Dia adalah Tuhan yang baik yang sentiasa menjaga kita, dan Dia layak menerima reaksi kita kerana hati kita penuh dengan kasih kepada-Nya.

BERDOA UNTUK MALAYSIA - Negeri Johor

Johor merupakan negeri yang terletak paling selatan di Malaysia Barat, dan terletak berhampiran dengan negara Singapura. Johor dan Singapura mempunyai hubungan yang sangat rapat.

- Berdoa bagi kerajaan negeri Johor agar mentadbir negeri untuk kepentingan rakyat, dan bukan kerana wang.
- Berdoalah agar Tuhan memberkati hubungan Malaysia dengan Singapura, dan supaya kedua-dua negara akan terus menikmati hubungan yang baik.

Tetaplah Bersama



ber Dengan Dia





Disediakan oleh NECF Malaysia
32, Jalan SS2/103, Petaling Jaya
47300, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel:03-77278227 Faks:03-77291139
Emel:prayer@necf.org.my
www.necf.org.my